

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA: 5(B)(IV)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

19. Terangkan status pelaksanaan Penang Smart City yang telah dicapai oleh agensi-agensi negeri.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Dalam hasrat Kerajaan Negeri menerajui teknologi Industrial Revolution (IR) 4.0, pembangunan Bandar Pintar adalah menjadi faktor utama dalam memastikan Negeri Pulau Pinang selaras dengan Visi Penang2030: *A Family-Focused, Green & Smart State that inspires the Nation*. Oleh itu, bagi memastikan hasrat ini terlaksana dan selari dengan Kerajaan Persekutuan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), Kerajaan Negeri telah menetapkan hala tuju Negeri Pintar merangkumi empat (4) teras strategik iaitu Tadbir Urus, Rakyat, Data dan Infrastruktur.

Bagi aspek tadbir urus, Jawatankuasa Negeri Pintar Pulau Pinang telah ditubuhkan sejak tahun 2017 yang dipengerusikan oleh Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa bagi menyelaraskan dan memastikan inisiatif-inisiatif Negeri Pintar berjalan dengan lancar. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan Digital Penang Corporation sebagai satu mekanisme untuk menyelaraskan usaha Negeri Pintar dengan penglibatan sektor swasta.

Penglibatan rakyat di dalam pembangunan Negeri Pintar pula diterjemahkan dalam komponen 4P iaitu *Partnership, Private, Public & People*. Kerajaan Negeri menjalinkan kerjasama erat dengan ahli akademik, penyelidik, Badan Bukan Kerajaan, pemain industri dan rakyat bagi memastikan semua golongan

menyumbang kepada pembangunan Bandar Pintar di Negeri Pulau Pinang.

Pengumpulan data merupakan teras yang amat penting dalam memastikan data yang diperolehi adalah tepat, sahih dan berguna untuk rakyat dan kerajaan selaras dengan tema yang telah ditetapkan “*Data Is King, Talent Is Everything*”. Sebagai persediaan bagi menghadapi IR4.0, Kerajaan Negeri amat menggalakkan usaha jabatan dan agensi melalui pelaksanaan integrasi sistem-sistem, inisiatif tanpa tunai (Cashless), pendigitalan proses kerja, penggunaan Internet of Things (IoT), pengukuhan keselamatan siber, penggunaan analitis data raya (BDA), *Cloud Computing*, *machine learning*, dan *blockchain*.

Penyediaan infrastuktur Bandar Pintar di Negeri Pulau Pinang kini telah jauh lebih baik berbanding 10 tahun yang lalu. Ini adalah hasil usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk pihak swasta yang sudi melabur dalam pembangunan teknologi IR4.0 di Negeri Pulau Pinang.

Setakat ini sebanyak 58 inisiatif telah, sedang dan akan dilaksanakan dalam membangunkan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Pintar seperti di **LAMPIRAN A**.

Kesemua inisiatif ini akan didokumentasikan oleh pihak Bahagian Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Penang Institute (PI) dalam dokumen bertajuk Roadmap: *Penang Towards A Smart International State* yang dijangka siap pada bulan Jun 2020.

SENARAI INISIATIF NEGERI PINTAR SETAKAT 20 MAC 2020

INISIATIF TELAH DILAKSANAKAN

BIL.	PROJEK	PEMEGANG TARUH
1	<i>Smart Monitoring System</i>	Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Provider
2	<i>Hackfest MPSP 2018</i>	Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)
3	Hackhaton Data Terbuka Pulau Pinang 2018	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN)
4	<i>Real-time Telemetry System</i>	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPS) Provider
5	Sistem Amaran Paras Air Kawasan (SPARK)	Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Provider
6	CCTV In Seberang Perai	Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Provider
7	<i>Crush Aedes Totally (CAT)</i>	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Provider
8	<i>Fibre Forward Penang (FFP)</i>	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. (PDCTS) Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN) Provider
9	<i>Penang Geo Hub</i>	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN) Planmalaysia@pulau Pinang Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Provider

10	Analitis Data Raya: Pemilikan Rumah Mampu Milik (RMM)	Bahagian Perumahan Bahagian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri (BTMKN) Provider
11	<i>Intelligent Operation Center (IOC)</i>	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Provider
12	<i>Smart Bus Stop (POC)</i>	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Provider
13	<i>Penang Digital Library (PDL)</i>	Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) Provider
14	<i>Penang Free Wifi (Pfw)</i>	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Pdc Telecommunication Services Sdn.Bhd. (PDCTS) Provider
15	<i>Fibre To The Home</i>	<i>Penang Development Corporation (PDC)</i> PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. (PDCTS) Provider
16	<i>Batu Maung Digital Library (PDL@Batu Maung)</i>	Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) Provider
17	<i>Young Innovators Makerthon 2019</i>	<i>Penang Science Cluster (PSC)</i> <i>Penang Skills Development Centre (PSDC)</i>
18	<i>De Tech Conference 2019</i>	<i>Penang Skills Development Centre (PSDC)</i> <i>@CAT Penang</i>
19	<i>Penang International Green Conference And Exhibition 2019</i>	Kerajaan Negeri Pulau Pinang <i>Penang Green Council (PGC)</i> <i>Malaysian Green Building Council (MGBC)</i> <i>Green Building Index (GBI)</i>
20	<i>Makerspace @ Balik Pulau</i>	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) <i>Penang Science Cluster</i> <i>Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang</i>

		Politeknik Balik Pulau Provider
21	<i>Penang School Maker Fair 2019</i>	Kerajaan Negeri Pulau Pinang Han Chiang High School Pemain Industri
22	<i>Penang Open Data Apps Challenge (Podac) 2019</i>	Bahagian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri (BTMKN)
23	<i>Steamx</i>	<i>Tech Dome</i> <i>Penang Youth Development Corporation (PYDC)</i>
24	<i>Smart Pole</i>	Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) Provider
25	<i>Link Bike</i>	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Provider
26	<i>Penang Intelligent Traffic And Transportation System (PITTS)</i>	Seksyen Pengangkutan, BPEN Provider
27	<i>I4.0 Seed Fund</i>	<i>Invest Penang</i> <i>@CAT Penang</i>
28	<i>Trash2treasure</i>	<i>Penang Green Council (PGC)</i> Provider

INISIATIF SEDANG DILAKSANAKAN

BIL.	PROJEK	PEMEGANG TARUH
1	<i>Smart Traffic Analytics And Recognition System (Stars)</i>	Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Provider
2	<i>Projek Smart City Of Penang (SCOPE)</i>	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Provider

3	Projek Terragraph (POC)	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (MCMC) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) PDC Telecommunication Services Sdn.Bhd. (Pdcts) Provider
4	Sistem Tempat Letak Kereta Secara Pintar (Penang Smart Parking)	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Syarikat Heitech Padu Berhad
5	Analitis Data Raya: Pengurusan Bencana Banjir (2019-2020)	Bahagian Khidmat Pengurusan Bahagian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Negeri (BTMKN) Provider
6	<i>Integrated Local Council Solution (ILCS)</i>	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Provider
7	<i>Mesh Network With 6lowpan Via Street Light (POC)</i>	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) PDC Telecommunication Services Sdn.Bhd. (PDCTS) Provider
8	<i>Penang International Science Fair</i>	Kerajaan Negeri Pulau Pinang <i>Penang Science Cluster</i> Pemain Industri
9	<i>Maker Lab For Schools</i>	Kerajaan Negeri Pulau Pinang <i>Penang Science Cluster</i> Pemain Industri
10	<i>Coding For All</i>	Kerajaan Negeri Pulau Pinang <i>Penang Science Cluster</i>
11	<i>Butterworth Digital Library (BDL)</i>	Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Provider
12	<i>BM Digital</i>	Kerajaan Negeri Pulau Pinang Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

		Provider
13	<i>Smart Pole (POC)</i>	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Provider
14	<i>Projek Gigabit City: Clip-on Solution</i>	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Provider

INISIATIF AKAN DILAKSANAKAN

BIL.	PROJEK	PEMEGANG TARUH
1	Analitis Data Raya: Meningkatkan Kemudahan Infrastruktur Perniagaan Asas Desa (2021)	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN) Provider
2	Analitis Data Raya: Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat Pulau Pinang Berpendapatan Rendah (2022)	Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN) Provider
3	<i>Smart Office / Building (POC)</i>	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) PDC Setia Urus Syarikat Maxis Broadband Sdn. Bhd.
4	<i>Smart Solution For Disaster Management (POC)</i>	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) Tech-store Malaysia Sdn. Bhd.
5	<i>POC Penang Smart City</i>	Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Provider

6	<i>Activity Monitoring And Tracking System</i>	Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Provider
7	Projek Infrastruktur Telekomunikasi Integrasi Berkonsepkan <i>Street Furniture</i>	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Provider
8	<i>Smart Street Pole</i>	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (MCMC) PDC Telecommunication Services Sdn.Bhd. (PDCTS) Provider
9	<i>Smart Home</i>	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Bahagian Perumahan <i>Penang Development Corporation (Pdc)</i> Provider
10	<i>Innovation Lab</i>	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) <i>Penang Skills Development Centre (PSDC)</i> Provider
11	<i>Smart Bus Stop (RFP)</i>	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Provider
12	<i>Penang Islamic Digital Library (PIDL)</i>	Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)

13	Projek Fiberisasi Kuarters Dan Kediaman Rasmi Pegawai Kanan Dan Kakitangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Provider
14	Augmented reality and virtual reality (AV VR)	Perbadanan Ketua Menteri (CMI) Provider
15	Smart Water Management	Perbadanan Bekalan Air (PBA)
16	Cashless Initiative	Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Bank Negara Malaysia